

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI PERMOHONAN AGIHAN BANTUAN KERAJAAN
NEGERI TERENGGANU**

BIL	JENIS	KATEGORI	SYARAT-SYARAT
1	Lesen Motosikal Terengganu Sejahtera	Lesen B2	1. Permohonan MESTI diisi melalui ATAS TALIAN(ONLINE) menerusi pautan idana.terengganu.gov.my atau MANUAL. 2. Peserta program MESTI berumur 16 tahun 1 hari (<i>cukup bulan</i>) hingga 40 tahun dan program ini untuk Lesen Motosikal (B2) sahaja semasa tarikh permohonan <i>atau</i> pada 11 Mac 2020 jam 23.59 malam. 3. Program ini terbuka kepada mereka yang berstatus bujang mahupun telah berkahwin. 4. Peserta mestilah Anak Jati negeri TERENGGANU atau individu yang bermastautin lebih 10 tahun (pengesahan MPKK diperlukan). 5. Program untuk peserta kali pertama SAHAJA dan bukannya untuk program susulan atau telah gagal menyertai program tahun sebelum atau mengikuti secara pensendirian dan permohonan yang tahun 2019 namun tidak ditawarkan PERLU mengisi kembali borang. 6. Pendapatan peserta yang berkerjaya MESTI tidak melebihi RM 2,000.00 sebulan berdasarkan gaji pokok. 7. Latihan atau kursus hanya boleh melibatkan Institut Memandu (IM) dalam negeri SAHAJA dan peserta perlu menghadirkan diri di tempat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. 8. Borang permohonan PERLU dicetak dan diserahkan kepada MPKK bersama salinan dokumen sebagaimana berikut : i) Kad Pengenalan Pemohon ii) Slip gaji @ Pengesahan Tempat Belajar (mana-mana yang berkaitan) <i>atau</i> ; iii) Bagi mereka yang tiada slip gaji, perlu mengemukakan Surat Pengakuan Pendapatan yang disahkan oleh oleh MPKK atau Penghulu Mukim. <i>*Pengisian borang tidak lengkap atau dokumen tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan terbatal dengan sendiri.</i> 9. Pemohon mestilah menjelaskan terlebih dahulu saman JPJ dan POLIS serta Kes Mahkamah sebelum memohon menyertai program ini. Senarai tersebut boleh dilihat di portal rasmi JPJ dan PDRM. 10. Kos yang ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri adalah kos membuat lesen, MYeG, SST dan insurans SAHAJA tidak termasuk kos yang dikenakan oleh Institut Memandu(IM) kepada peserta seperti kos pengangkutan dan lain-lain. <i>*Kerajaan negeri berhak menolak permohonan dan meminda syarat-syarat di atas dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis.</i>

BIL	JENIS	KATEGORI	SYARAT-SYARAT
2	Dana Raya	Ibu Tunggal	Rakyat Negeri Terengganu (Pemohon yang bukan rakyat Negeri Terengganu tetapi bermastautin lebih 10 tahun di Negeri Terengganu perlu mendapat perakuan daripada Penghulu Mukim kawasan masing-masing). Jumlah pendapatan bulanan pemohon tidak melebihi RM2,500.00 sebulan. Borang Permohonan hendaklah dicetak dan diserahkan kepada Penghulu Mukim bersama salinan dokumen berikut: i. Kad Pengenalan ii. Surat Cerai iii. Surat Mati Suami / Isteri iv. Slip Gaji Bagi pemohon yang tidak mempunyai Slip Gaji, perlu mengemukakan Surat Pengakuan Pendapatan yang disahkan oleh Penghulu Mukim. Pemohon mestilah seorang pengundi berdaftar di Negeri Terengganu. Maklumat yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan ditolak. Kerajaan Negeri berhak menolak permohonan dan meminda syarat-syarat di atas dari masa ke semasa tanpa sebarang notis.

BIL	JENIS	KATEGORI	SYARAT-SYARAT
		OKU	Rakyat Negeri Terengganu (Pemohon yang bukan rakyat Negeri Terengganu tetapi bermastautin lebih 10 tahun di Negeri Terengganu perlu mendapat perakuan daripada Penghulu Mukim kawasan masing-masing). Borang permohonan hendaklah dicetak dan diserahkan kepada Penghulu Mukim bersama salinan dokumen berikut: i. Kad Pengenalan ii. Kad OKU (Orang Kelainan Upaya) Jabatan Kebajikan Masyarakat atau; iii. Surat Pengesahan Rawatan Doktor (dalam kes mental) atau; iv. Surat Pengesahan Penghulu Mukim (sekiranya tidak berdaftar sebagai OKU). Maklumat yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan ditolak. Kerajaan Negeri berhak menolak permohonan dan meminda syarat-syarat di atas dari masa ke semasa tanpa sebarang notis.
		Warga Emas	Rakyat Negeri Terengganu (Pemohon yang bukan rakyat Negeri Terengganu tetapi bermastautin lebih 10 tahun di Negeri Terengganu perlu mendapat perakuan daripada Penghulu Mukim kawasan masing-masing). Pemohon hendaklah berusia 65 tahun dan ke atas. Bagi pasangan yang juga berusia 65 tahun dan ke atas, perlu memohon secara berasingan. Borang permohonan hendaklah dicetak dan diserahkan kepada Penghulu Mukim bersama salinan kad pengenalan. Pemohon mestilah seorang pengundi berdaftar di Negeri Terengganu. Maklumat yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan ditolak.

BIL	JENIS	KATEGORI	SYARAT-SYARAT
			Kerajaan Negeri berhak menolak permohonan dan meminda syarat-syarat di atas dari masa ke semasa tanpa sebarang notis.

BIL	JENIS	KATEGORI	SYARAT-SYARAT
		Orang Miskin	Rakyat Negeri Terengganu (Pemohon yang bukan rakyat Negeri Terengganu tetapi bermastautin lebih 10 tahun di Negeri Terengganu perlu mendapat perakuan daripada Penghulu Mukim kawasan masing-masing). Pemohon adalah dibuka kepada yang telah berkahwin dengan jumlah pendapatan bulanan Ketua Isi Rumah (Pemohon) tidak melebihi RM2,500.00 sebulan. Pemohon yang belum berkahwin dan berumur melebihi 40 tahun serta berpendapatan tidak melebihi RM1,500.00 sebulan. Kontraktor berdaftar dan peniaga berlesen adalah tidak layak memohon. Borang permohonan hendaklah dicetak dan diserahkan kepada Penghulu Mukim bersama salinan dokumen berikut: i. Kad Pengenalan Pemohon dan Kad Pengenalan/Surat Beranak Tanggungan ii. Slip Gaji atau Slip Pencen - terkini iii. Salinan Surat Nikah Bagi mereka yang tidak mempunyai slip gaji, perlu mengemukakan Surat Pengakuan Pendapatan yang disahkan oleh Penghulu Mukim. Pemohon mestilah seorang pengundi berdaftar di Negeri Terengganu. Bagi permohonan yang telah berkahwin WAJIB mengisi maklumat Isi Rumah (Tanggungan termasuk maklumat pasangan). Maklumat yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan ditolak. Kerajaan Negeri berhak menolak permohonan dan meminda syarat-syarat di atas dari masa ke semasa tanpa sebarang notis.

BIL	JENIS	KATEGORI	SYARAT-SYARAT
3	Bakti Remaja (BR)	Semua Kategori	Pemohon perlu mengisi kembali borang secara atas talian @ online. Berumur di antara 21 hingga 40 tahun. Belum berkahwin (bujang) pada tarikh permohonan dibuat. Pemohon mestilah seorang pengundi berdaftar di Negeri Terengganu (dikecualikan kepada pemohon yang berumur 21 tahun). Jumlah pendapatan bulanan pemohon tidak melebihi RM2,000.00 sebulan (berdasarkan gaji pokok). Pemohon terlibat dalam salah satu badan sukarela di Negeri Terengganu. Pemohon hendaklah memberi khidmat sukarela kepada Agensi Kerajaan dan Badan Sukarela. Borang permohonan hendaklah dicetak dan diserahkan kepada Penghulu Mukim bersama salinan dokumen sebagaimana berikut : i) Kad Pengenalan Pemohon ii) Slip gaji atau iii) Bagi mereka yang tiada slip gaji, perlu mengemukakan Surat Pengakuan Pendapatan yang disahkan oleh Penghulu Mukim. Kerajaan negeri berhak menolak permohonan dan meminda syarat-syarat di atas dari masa ke semasa.

4	Bantuan Persekolahan		Pemohon boleh terdiri daripada ibu/bapa/datuk/nenek/adik-beradik dan lain-lain. Pemohon hendaklah Ketua Isi Rumah. Jumlah pendapatan pemohon tidak melebihi RM2,500.00 sebulan. Pemohon mestilah seorang pengundi berdaftar di Negeri Terengganu. Pemohon hanya layak memohon untuk 2 orang anak yang bersekolah di Negeri Terengganu sahaja dan umur anak di antara 7 hingga 17 tahun pada tahun ini (2019). Pemohon yang layak akan menerima sebanyak RM100.00 bagi setiap orang anak.
---	----------------------	--	---

BIL	JENIS	KATEGORI	SYARAT-SYARAT
			Borang Permohonan hendaklah dikemukakan bersama salinan dokumen berikut :- i. Kad Pengenalan Pemohon ii. Slip Gaji terkini atau; iii. Slip Pencen